

## Tutorial 10

1. Berdasarkan keputusan penganggaran model pertumbuhan perbelanjaan awam di Malaysia seperti dalam jadual, jawab soalan-soalan berikutnya.

Pembolehkan Bersandar	ln KNK	ln PAS	ln N	ln IHP	R <sup>2</sup>
Nilai keanjalan	0.98 (1.09)	0.88 (0.65)	1.22 (1.98)*	-0.74 (0.16)	0.97

Nota :

KNK/N : Keluaran Negara Kasar per kapita

PAS : Nisbah perbelanjaan awam dengan perbelanjaan swasta

N : Jumlah penduduk

IHP : Indeks harga pengguna

Angka dalam kurungan adalah nilai statistik t.

\* signifikan pada aras keertian 5 %

- (i) Bentukkan model anggaran dan jelaskan hubungan setiap satunya.
  - (ii) Bincangkan bagaimanakah model tersebut dapat menjelaskan hukum Wagner.
  - (iii) Jelaskan implikasi daripada keputusan di atas.
2. Keputusan regresi pertumbuhan perbelanjaan awam di Malaysia tahun 1980-1999 adalah seperti berikut:

$$\ln E = 6.67 + 1.21 \ln \text{KNK/N} + 0.91 \ln \text{PAS} - 1.11 \ln \text{N} + 0.44 \ln \text{IHP} \text{ ----- (1)}$$

(6.01)\*   (2.12)\*                      (3.54)                      (0.96)                      (1.54)

$$R^2 = 0.9888$$

$$\text{Ujian F} = 656.7^*$$

Nota : angka dalam kurungan adalah nilai statistik t

\* signifikan pada aras keertian 5 peratus

- (a) Berdasarkan keputusan di atas, jelaskan adakah teori Wagner berlaku di Malaysia.
  - (b) Jelaskan nilai koefisien 0.91 dan 1.11.
  - (c) Adakah hasil kajian empirik ini boleh diterima pakai sebagai bukti kewujudan teori Wagner?
  - (d) Jelaskan implikasi daripada keputusan di atas.
3. Apakah kesan limpahan faedah? Apakah masalah yang ditimbulkan oleh kesan ini kepada aspek peruntukan dan apakah cara untuk mengatasinya?
  4. Bantuan pepadanan lebih cekap daripada bantuan bukan pepadanan dalam menyediakan barangan awam. Bincangkan dengan menggunakan rajah yang sesuai.

5. Dengan bantuan rajah, tunjukkan bahawa bantuan pepadanan adalah lebih baik daripada bantuan bukan pepadanan bagi kes tingkat barang awam yang sama.
6. Apakah federalisme fiskal dan mengapakah ia perlu dalam sesuatu ekonomi?